

**NO SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[RANTAU PANJANG]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29.11.2017**

**YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [RANTAU PANJANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan cadangan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) dan sejauh mana wujudnya kelemahan pada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) di bawah SPRM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) sehingga Kerajaan perlu menubuhkan JITN.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan integriti dan tadbir urus baik Kerajaan merangkumi aspek yang meluas dalam sistem pentadbiran Kerajaan yang mana, inisiatif anti-rasuah merupakan subset kepada aktiviti pengurusan integriti. Kelemahan tadbir urus berulang yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, prestasi kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan penangkapan kes-kes rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi penekanan supaya

49

penambahbaikan perlu terus diperkasa bagi memacu perubahan di sektor awam dan swasta.

Kerajaan mengambil maklum akan kewujudan dan peranan agensi-agensi sedia ada dalam pengurusan integriti dan tadbir urus negara seperti SPRM, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Namun begitu, matlamat agenda integriti dan tadbir urus baik negara boleh lebih diperkukuh melalui perancangan strategi pelaksanaan secara rapi oleh sebuah agensi peneraju.

SPRM melalui Akta SPRM 2009 bermatlamat untuk menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta melaksanakan fungsi penguatkuasaan bagi membanteras rasuah. Sebagai sebuah suruhanjaya, SPRM boleh mengesyorkan kepada Kerajaan tentang langkah-langkah penambahbaikan bagi membanteras rasuah. Namun, pelaksanaan dasar dan inisiatif pemantapan integriti yang mencakupi bidang yang lebih luas daripada hanya pencegahan rasuah semata-mata dan tadbir urus adalah di bawah tanggungjawab agensi perkhidmatan awam di bawah pentadbiran Kerajaan.

Mandat yang sama diberikan kepada SUHAKAM yang antara fungsinya termasuklah mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah yang perlu diambil berhubung isu-isu hak asasi manusia. Selain itu, INTEGRITI pula ditubuhkan untuk memantau, menyelaraskan dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan dalam tahun 2004 bertujuan untuk membudayakan nilai integriti merentasi seluruh rakyat Malaysia, manakala SIAP berperanan sebagai badan bebas yang memantau integriti dan tadbir urus agensi penguatkuasaan di bawah Akta 700.

Pengurusan integriti dan tadbir urus negara melibatkan isu dan skop yang lebih meluas dan bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja. Pelaksanaannya merangkumi pelbagai peranan dan komponen yang terletak di bawah bidang kuasa pelbagai agensi. Maka, penubuhan JITN sebagai agensi peneraju dapat menyediakan mekanisme pengurusan integriti dan tadbir urus baik melalui penetapan dasar yang lebih holistik dan efektif untuk dilaksanakan oleh pelbagai agensi pelaksana.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Julai 2017 lalu telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) yang akan berperanan sebagai agensi pusat yang menerajui pelaksanaan agenda pemantapan integriti dan tadbir urus negara secara komprehensif melalui penggubalan dasar yang efektif dan mekanisme pengurusan integriti di kementerian/ agensi sedia ada.

Penubuhan JITN ini adalah melalui penjenamaan semula Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), Jabatan Perdana Menteri. JITN akan menerajui perancangan dan pelaksanaan

strategi pengurusan integriti dan tadbir urus negara berteraskan aspirasi Bidang Keberhasilan Utama Negara Membanteras Rasuah. Pemantapan tadbir urus ini adalah melalui pelaksanaan penambahbaikan proses, sistem dan prosedur tadbir urus agensi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan pemantapan sistem penyampaian Kerajaan. JITN juga akan menjadi agensi peneraju yang akan memastikan isu-isu berhubung hak asasi manusia dapat ditangani dengan lebih sistematik dan berkesan mengikut acuan sendiri berlandaskan prinsip tadbir urus baik. Melalui JITN, penyelarasan isu-isu hak asasi manusia dapat dilaksanakan melalui pendekatan yang lebih holistik termasuk melalui kolaborasi strategik dan kerjasama yang berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Penubuhan JITN ini adalah dilihat sebagai satu usaha Kerajaan untuk menginstitusikan pengurusan integriti dan tadbir urus baik yang mapan serta berdaya tahan. Justeru, penubuhan JITN adalah amat penting supaya agenda integriti dan tadbir urus negara serta peranan negara dalam menangani isu-isu hak asasi manusia terus diperkukuh.

Tuan Yang Dipertua,

Penubuhan JITN juga akan membolehkan peranan Ketua Unit Integriti (KUI) di 887 agensi awam dioptimumkan sebagai ejen transformasi bagi membantu kementerian dan agensi memacu perubahan ke arah mencapai tadbir urus yang baik supaya tidak hanya dilihat sebagai ejen anti-rasuah. Dengan itu, SPRM boleh memberi fokus kepada fungsi operasi dan penguatkuasaan memerangi rasuah di bawah Akta SPRM 2009. Tindakan ini juga

selaras dengan amalan tadbir urus baik dengan memisahkan fungsi penguatkuasaan dan fungsi pentadbiran dalam Kerajaan bagi tujuan '*check and balance*'.

Cadangan untuk menubuhkan JITN sebagai peneraju inisiatif pemerikasaan integriti dan tadbir urus negara akan memberikan implikasi kewangan yang minimum. Keperluan sumber tenaga manusia bagi penubuhan JITN adalah melalui penyusunan semula agensi dan perjawatan melalui '*redeployment*' dan pengambilan pegawai dari kementerian, jabatan dan agensi yang lain selaras dengan dasar semasa Kerajaan ke arah penggunaan sumber manusia dan peruntukan kewangan secara optimum.

Sekian, terima kasih.

53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**TARIKH : 29.11.2017**

**SOALAN : NO. 29**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasil/keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam melahirkan graduan yang diperlukan industri seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan IPT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2016, kadar kebolehpasaran graduan universiti awam adalah 77.3 peratus, politeknik (88.7 peratus), kolej komuniti (97.2) peratus dan institusi pendidikan tinggi swasta (72.8 peratus).

Dalam meningkatkan lagi kebolehpasaran dan seterusnya menangani isu pengangguran di kalangan graduan, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dengan memperkenalkan:

- (i) Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga berkomunikasi;

- (ii) Program 2u2i yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar berada 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri;
- (iii) Program CEO@Fakulti yang melibatkan perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh korporat yang berwibawa antaranya melibatkan CEO daripada Exxon & Mobil, Maybank, CIMB, Khazanah dan lain-lain;
- (iv) Program *Gap Year* yang merupakan program pilihan dan bukan paksaan di mana pelajar dibenarkan meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik untuk terlibat dalam program seperti program kesukarelawanan atau perkhidmatan komuniti; dan
- (v) Program Cambridge Accessible Tests (CATs) diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

KPT turut menjalankan program-program lain di dalam usaha mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan, antaranya Program Pusat Kecemerlangan Industri, Program Dwi Ijazah (*multi-disciplinary*) di beberapa universiti awam, pengenalan inisiatif penilaian bahasa Inggeris melalui *Malaysian Higher Education English Assessment* (MEA) dan program pensyarah sebagai *practitioner* menjelang tahun 2023 serta penyaluran dana GE yang melibatkan kolaborasi antara industri dan institusi pendidikan tinggi awam.

Soalan (30 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)  
[LUMUT]

**SOALAN :-**

**YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B) [LUMUT] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tentang  
kebakaran yang berlaku di Pusat Tahfiz baru-baru ini. Apakah  
tindakan yang telah dan akan diambil.**